



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, 2025

Pasaran buruh Malaysia kekal berdaya tahan pada 2025, dengan kadar pengangguran mencapai paras terendah dalam tempoh sedekad

PUTRAJAYA, 26 JUN 2026 – Pasaran buruh Malaysia kekal berdaya tahan pada 2025, dengan kadar pengangguran mencapai paras terendah dalam tempoh sedekad, menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia hari ini dalam penerbitan **Statistik Tahunan Tenaga Buruh, Malaysia, 2025**. Statistik tersebut mencerminkan keadaan penawaran tenaga buruh di Malaysia, seperti yang dilaporkan melalui Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas mengenai keseluruhan prestasi pasaran buruh pada tahun 2025, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pasaran buruh Malaysia terus mengukuh pada tahun 2025, disokong oleh daya tahan ekonomi yang berterusan dan kedudukan guna tenaga yang semakin baik. Kadar pengangguran terus menurun kepada 3.0 peratus, paras terendah dalam tempoh sedekad, manakala bilangan penganggur berkurang kepada 507.2 ribu orang, terutamanya didorong oleh penurunan pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun. Sementara itu, tenaga buruh bertambah 1.1 peratus kepada 17.09 juta orang berbanding 16.90 juta orang pada tahun 2024. Sehubungan itu, kadar penyertaan tenaga buruh meningkat 0.2 mata peratus kepada 70.8 peratus (2024: 70.6%), menunjukkan penyertaan yang lebih kukuh dalam pasaran buruh."

Pada masa yang sama, pertumbuhan guna tenaga kekal menggalakkan pada tahun 2025, dengan bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 1.3 peratus kepada 16.58 juta orang berbanding 16.37 juta orang pada tahun sebelumnya. Selari dengan peningkatan ini, nisbah guna tenaga kepada penduduk naik kepada 68.7 peratus, yang mencerminkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan. Kategori pekerja merangkumi sumbangan terbesar daripada keseluruhan guna tenaga iaitu 78.4 peratus (13.0 juta orang), diikuti oleh kategori penduduk bekerja sendiri sebanyak 15.7 peratus (2.61 juta orang).

Dari segi tahap kemahiran, pekerjaan separuh mahir kekal sebagai kategori terbesar, merangkumi 57.0 peratus daripada jumlah guna tenaga, mencecah seramai 9.45 juta orang. Pekerjaan mahir terdiri daripada 30.1 peratus (4.99 juta orang), manakala pekerjaan berkemahiran rendah mewakili yang selebihnya 12.9 peratus

(2.15 juta orang). Mengikut sektor ekonomi, guna tenaga kekal dominan dalam sektor Perkhidmatan, menyumbang 66.0 peratus daripada jumlah guna tenaga dan mengekalkan trajektori pertumbuhannya. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan dengan sumbangan sebanyak 16.3 peratus, manakala Pertanian dan Pembinaan, masing-masing mewakili 8.9 peratus dan 8.2 peratus. Sektor Perlombongan & pengkuarian merekodkan sumbangan terkecil iaitu 0.6 peratus.

Indikator guna tenaga tidak penuh menunjukkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2025. Bilangan penduduk yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu disebabkan oleh keadaan kerja atau kerja tidak mencukupi menurun sebanyak 4.4 peratus kepada 203.1 ribu orang, mencatatkan kadar guna tenaga tidak penuh yang lebih rendah pada 1.2 peratus (2024: 1.3%). Begitu juga, guna tenaga tidak penuh berkaitan masa menurun sebanyak 5.7 peratus kepada 118.0 ribu orang, dengan kadar yang semakin berkurang kepada 0.7 peratus daripada 0.8 peratus pada tahun sebelumnya. Sementara itu, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, yang merangkumi mereka yang berpendidikan tertiar namun bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah berkurang sedikit sebanyak 0.4 peratus (-8.7 ribu orang) kepada 2.05 juta orang (2024: 2.06 juta orang). Oleh itu, kadar tersebut turun kepada 35.6 peratus berbanding 36.1 peratus pada tahun sebelumnya.

Beralih kepada situasi pengangguran, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa 79.2 peratus daripada keseluruhan bilangan penganggur diklasifikasikan sebagai penganggur aktif, iaitu mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, merangkumi seramai 401.6 ribu orang. Kumpulan ini mencatatkan penurunan 1.8 peratus berbanding tahun sebelumnya. Dari segi tempoh pengangguran, 63.6 peratus daripada penganggur aktif menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 5.6 peratus berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Sementara itu, bilangan penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, menurun dengan ketara sebanyak 15.8 peratus kepada 105.6 ribu orang (2024: 125.3 ribu orang).

Kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun susut sebanyak 0.7 mata peratus kepada 9.6 peratus, mencatatkan bilangan penganggur belia seramai 272.0 ribu orang (2024: 284.7 ribu orang). Begitu juga, kadar pengangguran dewasa berumur 25 hingga 64 tahun turut berkurang 0.2 mata peratus kepada 1.6 peratus (2024: 1.8%), merekodkan seramai 235.2 ribu penganggur (2024: 249.4 ribu orang).

Pada peringkat negeri, W.P. Putrajaya merekodkan kadar pengangguran terendah pada 1.1 peratus, diikuti oleh negeri Melaka (1.6%), Pahang (1.8%) dan Pulau Pinang (1.9%). Sementara itu, KPTB tertinggi turut direkodkan di W.P. Putrajaya (79.0%), diikuti oleh negeri Selangor (78.4%), W.P. Kuala Lumpur (75.8%) dan Pulau Pinang (72.2%). Lima negeri mencatatkan penyertaan tenaga buruh perempuan melebihi kadar nasional 56.6 peratus, iaitu W.P. Putrajaya (79.7%), Selangor (70.7%), W.P. Kuala Lumpur (66.9%), serta Melaka dan Pulau Pinang, kedua-duanya merekodkan 58.3 peratus.

Pada masa yang sama, bagi guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, enam negeri merekodkan kadar di bawah paras nasional iaitu 35.6 peratus. W.P. Kuala

Lumpur mencatatkan kadar terendah pada 22.8 peratus, diikuti oleh W.P. Putrajaya (30.3%), Pulau Pinang (32.0%), Negeri Sembilan (32.5%), serta Selangor dan Perak (34.6%). Manakala, Kelantan mencatatkan kadar tertinggi pada 50.5 peratus, diikuti oleh Terengganu dan Pahang, masing-masing merekodkan 45.1 peratus dan 42.0 peratus.

Bilangan penduduk di luar tenaga buruh meningkat sedikit kepada 7.03 juta orang. Majoriti penduduk di luar tenaga buruh kekal tidak aktif disebabkan oleh kerja rumah/tanggungjawab keluarga, merangkumi 43.8 peratus, diikuti oleh mereka yang berada dalam kategori persekolahan/ latihan (42.2%).

Mengakhiri kenyataan tersebut, peralihan ke arah ekonomi hijau dan pembangunan mampan terus mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam tenaga boleh diperbaharui, pengurusan alam sekitar dan teknologi hijau. Perkara ini sejajar dengan usaha negara dalam memperkukuh daya tahan ekonomi serta membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan bersedia menghadapi masa depan. Secara keseluruhannya, pasaran buruh Malaysia mengekalkan momentum positifnya sehingga penghujung tahun 2025, disokong oleh pelaksanaan dasar yang proaktif serta permintaan buruh yang kekal kukuh merentasi pelbagai sektor.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

MyLabourHub ialah platform komprehensif yang mengintegrasikan institusi, data dan teknologi bagi menyediakan maklumat pasaran buruh yang relevan, tepat dan mudah diakses. Dapatkan data pasaran buruh Malaysia melalui MyLabourHub di <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.


Carta 1: Tenaga buruh dan KPTB, Malaysia, 1982 - 2025



Carta 2: Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Malaysia, 1982 - 2025



Carta 3: Pengangguran dan kadar pengangguran, Malaysia, 1982 - 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
26 JUN 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA, 2025

Malaysia's labour market remained resilient in 2025, with unemployment reaching its lowest level in a decade

PUTRAJAYA, JUNE 26, 2026 - Malaysia's labour market remained resilient in 2025, with unemployment reaching its lowest level in a decade, the Department of Statistics Malaysia reported today in the release on **Annual Statistics of the Labour Force, Malaysia, 2025**. The statistics reflect the labour supply situation in Malaysia, as reported through the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Commenting on the overall labour market performance in 2025, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's labour market continued to strengthen in 2025, supported by sustained economic resilience and improving employment conditions. The unemployment rate declined further to 3.0 per cent, the lowest level in a decade, while the number of unemployed persons decreased to 507.2 thousand persons, driven largely by lower youth unemployment among those aged 15 to 24 years. Meanwhile, the labour force expanded by 1.1 per cent to 17.09 million persons, compared with 16.90 million persons in 2024. Accordingly, the labour force participation rate increased by 0.2 percentage points to 70.8 per cent (2024: 70.6%), indicating stronger participation in the labour market."

In the meantime, employment growth remained encouraging in 2025, with the number of employed persons rising by 1.3 per cent to 16.58 million persons from 16.37 million persons in the previous year. In line with this improvement, the employment-to-population ratio increased to 68.7 per cent, reflecting the ability of an economy to create employment. Employees' category accounted for the largest share of total employment, at 78.4 per cent (13.0 million persons), followed by the own-account workers category at 15.7 per cent (2.61 million persons).

In terms of skill level, semi-skilled occupations constituted the largest employment category, accounting for 57.0 per cent of total employment, reaching 9.45 million persons. Skilled occupations comprised 30.1 per cent (4.99 million persons), while low-skilled occupations represented the remaining 12.9 per cent (2.15 million persons). Across economic sectors, the employment was predominantly concentrated

in the Services sector, contributing 66.0 per cent of total employment and maintaining its growth trajectory. This was followed by the Manufacturing sector with a share of 16.3 per cent, while Agriculture and Construction accounted for 8.9 per cent and 8.2 per cent, respectively. Mining & quarrying sector recorded the smallest share at 0.6 per cent.

Labour underemployment indicators also showed notable improvement during 2025. The number of employed persons who worked less than 30 hours per week due to the nature of their work or insufficient work declined by 4.4 per cent to 203.1 thousand persons, resulting in a lower underemployment rate of 1.2 per cent (2024: 1.3%). Similarly, time-related underemployment fell by 5.7 per cent to 118.0 thousand persons, with the corresponding rate easing to 0.7 per cent from 0.8 per cent in the previous year. Meanwhile, skill-related underemployment, which refers to those with tertiary education employed in semi-skilled and low-skilled, decreased slightly by 0.4 per cent (-8.7 thousand persons) to 2.05 million persons (2024: 2.06 million persons). Therefore, the rates edged down to 35.6 per cent as compared to 36.1 per cent in the preceding year.

Shifting to the unemployment situation, the Chief Statistician Malaysia highlighted that 79.2 per cent of the total unemployed persons were classified as actively unemployed, referring to persons who were available for work and were actively seeking jobs, accounting for 401.6 thousand persons. This group posted a decrease of 1.8 per cent from the previous year. In terms of unemployment duration, 63.6 per cent of the actively unemployed had been unemployed for less than three months, while 5.6 per cent were in long-term unemployment for more than a year. Meanwhile, the number of inactively unemployed or those who believed that there were no jobs available, significantly declined by 15.8 per cent to 105.6 thousand persons (2024: 125.3 thousand persons).

The unemployment rate among youths aged 15 to 24 years edged down by 0.7 percentage points to 9.6 per cent, registering 272.0 thousand unemployed youths (2024: 284.7 thousand persons). Similarly, the unemployment rate among adults aged 25 to 64 years also decreased by 0.2 percentage points to 1.6 per cent (2024: 1.8%), recording 235.2 thousand unemployed (2024: 249.4 thousand persons).

At the state level, W.P. Putrajaya recorded the lowest unemployment rate at 1.1 per cent, followed by Melaka (1.6%), Pahang (1.8%) and Pulau Pinang (1.9%). Meanwhile, the highest LFPR was also registered in W.P. Putrajaya (79.0%), followed by Selangor (78.4 %), W.P. Kuala Lumpur (75.8%), and Pulau Pinang (72.2%). Five states registered female labour force participation surpassed the national rate of 56.6 per cent, namely W.P. Putrajaya (79.7%), Selangor (70.7%), W.P. Kuala Lumpur (66.9%), as well as Melaka and Pulau Pinang, both posted 58.3 per cent.

In the meantime, as for the skill-related underemployment, six states recorded rates below the national level of 35.6 per cent. W.P. Kuala Lumpur registered the lowest rate at 22.8 per cent, followed by W.P. Putrajaya (30.3%), Pulau Pinang (32.0%),

Negeri Sembilan (32.5%), Selangor and Perak (34.6%). Meanwhile, Kelantan posted the highest rate at 50.5 per cent, followed by Terengganu and Pahang trailing at 45.1 per cent and 42.0 per cent, respectively.

The number of persons outside the labour force increased marginally to 7.03 million persons. The majority of this group remained inactive due to housework/ family responsibilities, accounting for 43.8 per cent, followed by those in schooling/ training category (42.2%).

Concluding the statement, the transition towards a green economy and sustainable development continues to generate new employment opportunities in renewable energy, environmental management, and green technology. This aligns with the country's efforts to strengthen economic resilience while fostering a highly skilled and future-ready workforce. Overall, Malaysia's labour market maintained its positive momentum through the end of 2025, supported by proactive policy measures and sustained labour demand across diverse sectors.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

MyLabourHub is a comprehensive platform that integrates institutions, data and technology to deliver relevant, accurate and accessible labour market information. Access the labour market data for Malaysia at <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.

Chart 1: Labour force and LFPR, Malaysia, 1982 - 2025




Chart 2: Employed persons and employment-to-population ratio, Malaysia, 1982 - 2025





Chart 3: Unemployed persons and unemployment rate, Malaysia, 1982 - 2025



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
26th JUNE 2026